

Alliance Bank Investment and Fixed Deposit Bundle Campaign Terms and Conditions

1. The “Alliance Bank Investment and Fixed Deposit Bundle Campaign” (“**Campaign**”) is organised by Alliance Bank Malaysia Berhad (“**ABMB**” or “**Bank**”) and shall run from 5 May 2025 to 31 March 2026 (both dates inclusive) or such other time period as may be notified by ABMB from time to time (“**Campaign Period**”); inclusive of both dates, unless as stated otherwise.
2. By participating in this Campaign, the Eligible Customers (as defined hereunder) shall have thoroughly read and fully understood all the Terms and Conditions herein and fully agree to be bound by and accept all the Terms and Conditions.

Eligibility

3. This Campaign is open to all New-to-bank and Existing-to-bank ABMB Customers (“**Eligible Customers**”).
4. Notwithstanding the foregoing, the following person(s) shall, however, not be eligible to participate in this Campaign:
 - (a) Permanent and/or contract employees of ABMB;
 - (b) Customers whose account(s) are held with ABMB that are dormant or inactive or who have breached any agreements with ABMB;
 - (c) Customers whose account(s) held with ABMB are delinquent or unsatisfactorily conducted;
 - (d) Individuals who are financially insolvent or who have been adjudicated a bankrupt;
 - (e) Customers who are in default of any facilities granted by ABMB (including its subsidiaries and related companies) at any time before or during the Campaign Period;
 - (f) Non-individual entities including but not limited to sole-proprietorships, partnerships, charitable/non-profit organisations/societies, corporate and commercial customers, public listed and private limited companies, clubs, associations and co-operatives;

Promotion Mechanics

A. Unit Trust and Fixed Deposit Bundle (“Offer A”)

5. Offer A is open to new and/or existing ABMB customers (“**Offer A Eligible Customers**”).
6. Offer A: Eligible Customers who purchase the selected Conventional Unit Trust (“**UT**”) products during the Campaign Period are eligible to enjoy a promotional Fixed Deposit rate (“**Offer A Promotional FD Rate**”) as specified in Table 1 below, subject to the following Terms and Conditions:
 - (a) Offer A Eligible Customers who invested a minimum of RM10,000 or 10,000 Foreign Currency Denominated, or higher depending on respective UT fund’s minimum investment amount, (“**Minimum UT Amount**”) in single transactions of selected Conventional UT during the Campaign Period are eligible to place a Fixed Deposit (“**FD**”) at 7.50% p.a. for 3 months, up to one (1) time the invested minimum UT amount; and
 - (b) The required minimum FD amount to be eligible for the Offer A Promotional FD Rate is RM1,000 (“**Minimum FD Amount**”).

Table 1:

Conventional UT Products**		Fixed Deposit Product*	
Participating Products	Minimum UT Amount	Offer A: Promotional FD Rate and Tenure	FD to UT Products Ratio
Selected Conventional UT funds with a minimum 3.00% sales charges	RM10,000 or 10,000 Foreign Currency Denominated (depends on the respective UT Fund’s minimum Investment amount)	3-month 7.50% p.a.	A minimum of RM1,000 is required, with a maximum of one (1) time invested minimum UT amount

* Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia up to RM250,000 for each depositor.

** Not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

7. Offer A shall end when either the Bank has achieved the allocated Fixed Deposit fund size's threshold of RM190,299,965 or when the Campaign Period expires, whichever comes first.
8. The list of participating product(s) is available at the branch and/or by contacting the relationship manager(s).
9. The Promotional FD amount must be placed on the same day as the UT transaction order date or within thirty (30) days from the date of UT completion, and it must be placed during the Campaign Period. Failing which, placement of Promotional FD is not allowed.
10. Any investment in UT using withdrawals from the Employees Provident Fund (EPF) is excluded from, and shall not be eligible for purposes of this Offer A.
11. In the event the UT amount is less than the Minimum UT Amount of RM10,000 or the Offer A Eligible Customers exercise their UT cooling-off right for the first time within the cooling-off period, Offer A Promotional FD Rate will no longer apply and ABMB's prevailing FD board rate will be applied with the same period and placement amount.
12. Offer A Eligible Customers must be a primary accountholder or the secondary accountholder for the conventional UT account and conventional FD account.

B. Retail Securities and Fixed Deposit Bundle ("Offer B")

13. The Offer B is open to new and/or existing ABMB customers without any existing Retail Securities/Retail Sukuk account/profile/record in our banking system as of 4 May 2025. ("**Offer B Eligible Customers**").
14. Offer B: Eligible Customers who purchase the selected Retail Securities ("**RS**") products during the Campaign Period are eligible to enjoy a promotional Fixed Deposit rate ("**Offer B Promotional FD Rate**") as specified in Table 2 below, subject to the following Terms and Conditions:
 - (a) Offer B Eligible Customers who have invested a minimum amount of RM250,000 for Ringgit Denominated RS ("**RM RS**") and RM150,000 or its equivalent in Foreign Currency Denominated RS ("**FCY RS**") (the minimum amount for FCY RS depends on the respective RS issuance) ("**Minimum RS Amount**") in single transactions of selected RS during the Campaign Period are eligible to place a FD at 6.50% p.a. for 3 months up to one third (1/3) time of the invested minimum RS amount; and
 - (b) The minimum FD amount required to be eligible for the Offer B Promotional FD Rate is RM1,000 ("**Minimum FD Amount**").

Table 2:

Retail Securities Products**		Fixed Deposit Product*	
Participating Products	Minimum RS Amount	Offer B: Promotional FD Rate and Tenure	FD to RS Products Ratio
Selected Retail Securities	RM250,000 for RM RS and RM150,000 or its equivalent in FCY RS (depends on the respective FCY RS issuance)	3-month 6.50% p.a.	A minimum of RM 1,000 is required, with a maximum of one-third (1/3) time the invested minimum RS amount

* Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia up to RM250,000 for each depositor.

** Not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

15. Each Offer B Eligible Customer is entitled for a one (1) time promotion FD placement only.
16. Offer B shall end when either the Bank has achieved the allocated Fixed Deposit fund size's threshold of RM21,000,000 or when the Campaign Period expires, whichever comes first.
17. The list of participating product(s) is available at the branch and/or by contacting the relationship manager(s).
18. The Promotional FD amount must be placed on the same day as the RS transaction date or within thirty (30) days from the date of RS transaction completion, and it must be placed during the Campaign Period. Failing which, placement of Promotional FD is not allowed.

19. If the RS amount is less than the Minimum RS Amount as defined in Clause 14(a), the Offer B Promotional FD Rate will no longer apply and ABMB's prevailing FD board rate will be applied with the same period and placement amount.
20. Offer B Eligible Customers must be the primary accountholder for the RS account and primary accountholder or secondary accountholder for the conventional FD account.

C. Structured Investment and Fixed Deposit Bundle ("Offer C")

21. The Offer C is open to new and/or existing ABMB customers without any existing Structured Investment account/profile/record in our banking system as of 4 May 2025. ("**Offer C Eligible Customers**").
22. Offer C: Eligible Customers who purchased the selected Structured Investment ("**SI**") products during the Campaign Period are eligible to enjoy a promotional Fixed Deposit rate ("**Offer C Promotional FD Rate**") as specified in Table 3 below, subject to the following Terms and Conditions:
- (a) Offer C Eligible Customers who have invested a minimum amount of RM50,000 ("**Minimum SI Amount**") in single transactions of selected SI during the Campaign Period are eligible to place a FD at 6.50% p.a. for 3 months up to one third (1/3) time of the invested minimum SI amount; and
 - (b) The minimum FD amount required to be eligible for Offer C Promotional FD Rate is RM1,000 ("**Minimum FD Amount**").

Table 3:

Structure Investment Products**		Fixed Deposit Product*	
Participating Products	Minimum SI Amount	Offer C: Promotional FD Rate and Tenure	FD to SI Products Ratio
Selected Structured Investment	RM50,000	3-month 6.50% p.a.	A minimum of RM 1,000 is required, with a maximum of one-third (1/3) time the invested minimum SI amount

* Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia up to RM250,000 for each depositor.

** Not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

23. Each Offer C Eligible Customer is entitled for a one (1) time promotion FD placement only.
24. Offer C shall end when either the Bank has achieved the allocated Fixed Deposit fund size threshold of RM10,000,000 or when the Campaign Period expires, whichever comes first.
25. The list of participating product(s) is available at the branch and/or by contacting the relationship manager(s).
26. The Promotional FD amount must be placed on the same day as the SI transaction date or within thirty (30) days from the date of SI transaction completion, and it must be placed during the Campaign Period. Failing which, placement of Promotional FD is not allowed.
27. If the SI amount is less than the Minimum SI Amount of RM50,000, the Offer C Promotional FD Rate will no longer apply and ABMB's prevailing FD board rate will be applied with the same period and placement amount.
28. Offer C: Eligible Customers must be the primary accountholder for the SI account and primary accountholder or secondary accountholder for the conventional FD account.

General

29. This Campaign is only applicable to Conventional UT / RS / SI and FD accounts. Islamic UT/Retail Sukuk accounts and Alliance Term Deposit Account-i (ATD-i) products are excluded from this Campaign.
30. Partial withdrawal of the FD is not allowed during the tenure of the FD. If the FD is withdrawn before its maturity date, the Eligible Customers will not receive any interest on the premature withdrawal.
31. Upon Maturity, the FD will be automatically renewed at the 3-month FD prevailing board rate. The 3-month FD prevailing board rate is available at <https://www.alliancebank.com.my/banking/personal/fixed-deposits/fixed-deposit.aspx>.

32. The Promotional FD Rates are subject to change, and if the Overnight Policy Rate (“OPR”) changes, a notice will be published on the Bank’s website at www.alliancebank.com.my.
33. By participating in this Campaign, the Eligible Customers acknowledge that they have fully understood, accepted and agreed to be bound by all of the Terms and Conditions herein.
34. The Terms and Conditions shall be supplemental to and not be in derogation of any one or more of the existing Terms and Conditions and/or guidelines governing and/or regulating the operations and/or maintenance of the Eligible Accounts or otherwise.
35. All decisions made by ABMB in relation to this Campaign shall be final and binding on the Eligible Customers. No correspondence, appeal or disputes in respect of the same shall be entertained.
36. ABMB reserves the right to add, delete, vary and/or amend the Terms and Conditions, either wholly or in part, with notification to be published at the Alliance Bank’s website at www.alliancebank.com.my prior to the changes. In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions hereunder and the updated version(s), the latter shall prevail, but only to the extent of such inconsistency thereof.
37. For any cancellations, terminations, suspension or extension of this Campaign Period shall not entitle the Eligible Customers to any claims or compensations against ABMB or for any losses, damages, costs or expenses as may be sustained, suffered or incurred by the Eligible Customers as a direct or indirect result of the said cancellation, termination, suspension or extension due to the Eligible Customers own act.
38. ABMB shall not be responsible nor shall accept any liabilities for any default (including without limitation, loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive, or special damages or proceedings brought by any party including third parties) arising or suffered by the Eligible Customers or other parties, resulting directly or indirectly from this Campaign.
39. All the Terms and Conditions, including the additions, deletions, variations and/or amendments as may be made in respect thereof from time to time shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia.
40. By participating in this Campaign, the Eligible Customers agree that they have read the Notice and Choice Principle Statement available at the Bank’s website <https://www.alliancebank.com.my/Notice-and-Choice-Principle-Statement-Personal-Data-Protection-Act-2010> and hereby give their consent and authorise the Bank to disclose their particulars to any third-party service provider engaged by the Bank for the purpose of this Campaign.
41. The Bank has instituted and maintains policies and procedures designed to prevent bribery and corruption by the Bank and its directors, officers, or employees; and to the best of the Bank’s knowledge, neither the Bank nor any director, officer, or employee of the Bank has engaged in any activity or conduct which would violate any anti-bribery or anti-corruption law or regulation applicable to the Bank. The Bank has not, and covenants that it will not, in connection with the conduct of its business activities, promise, authorize, ratify or offer to make, or take any act in furtherance of any payment, contribution, gift, reimbursement or other transfer of anything of value, or any solicitation, directly or indirectly to any individual.
42. By virtue of participating in this Campaign, Eligible Customer hereby acknowledges that it has been made aware of the Bank’s anti-bribery and corruption summary of the policy available at <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy> and further covenants/undertakes that it shall not indulge in such corrupt practices in whatsoever manner whether directly or indirectly with any directors, officers or employees of the Bank.
43. For Investment products:
 - (a) For investment in foreign currency, the Investment Amount will be based on the local currency equivalent.
 - (b) The Eligible Customers acknowledges that for foreign currency-denominated investment is subject to the prevailing Foreign Exchange Policy Notices under the Financial Services Act 2013. Depending on the Eligible Customers resident status and whether the Eligible Customers have domestic ringgit borrowing/ financing, undertaking of investment in foreign currency may have a limit imposed.
 - i. The Resident Eligible Customers without domestic ringgit borrowing¹ are allowed to undertake any amount in foreign currency assets onshore and abroad; or
 - ii. The Resident Eligible Customers with domestic ringgit borrowing¹ are allowed to undertake:

- Any amount using available foreign currency funds; or
 - Up to RM1 million equivalent in aggregate per calendar year on an individual basis using:
 - Foreign currency funds sourced from the conversion of ringgit;
 - Any transfer from Trade Foreign Currency Account (TFCA) to Investment Foreign Currency Account (IFCA);
 - Through the swapping of financial assets;
 - Up to RM10 million equivalent in aggregate of foreign currency borrowing obtained by resident from a Licensed Onshore Bank (“LOB”) or a non-resident.
- (c) The Eligible Customers agree that if the Investment Amount exceeds any limit prescribed by the Foreign Exchange Policy Notices, ABMB may debit the account, convert the excess into Ringgit at the relevant Bank’s prevailing buying rate and credit the Eligible Customers’ Ringgit account with ABMB.

44. The Eligible Customer(s) must sign all relevant standard documents and comply with all terms and conditions applicable to his/her Participating Products under the Campaign, which are separate from the terms and conditions set out herein. By participating in this Campaign, the Eligible Customers acknowledge that they have fully understood, accepted and agreed to be bound by all the Terms and Conditions.

¹Domestic ringgit borrowing refers to:

- i. any utilised or unutilised Ringgit credit facility including share margin facility, overdraft facility, revolving credit facility as well as credit facility obtained from employer such as staff loan, financing facility, trade financing facility, including but not limited to, trade guarantee or guarantee for payment of goods, redeemable preference share, Islamic redeemable preference share, Corporate Bond or Sukuk obtained by a Resident from another Resident **excluding**:
 - (a) trade credit term extended by a supplier for any goods or services;
 - (b) a credit limit that a Licensed Onshore Banks (LOB) apports for its client to undertake a Forward Basis transaction, excluding a transaction that involves exchanging or swapping of Ringgit or Foreign Currency debt for another Foreign Currency debt or exchanging of Foreign Currency debt for a Ringgit debt;
 - (c) a Financial Guarantee or Non-Financial Guarantee;
 - (d) an operational leasing facility;
 - (e) a factoring facility without recourse;
 - (f) a credit facility or financing facility obtained by a Resident Individual from a Resident to purchase one (1) residential property and one (1) vehicle; or
 - (g) a credit card and charge card facility obtained by a Resident Individual from a Resident and used for payment for retail goods or services only
- ii. any obligation considered or deemed as Domestic Ringgit Borrowing under any of the Foreign Exchange Policy Notices

Prevention and Mitigation of Banking Fraud and Scam

45. The Bank may from time to time provide the latest update or content to educate the Customer and create awareness that help prevent or mitigate fraud and scam risk. These may include but not limited to security tips, software/operating system/application/version update, and regulation requirements from any relevant governing bodies.
46. The Customer shall keep in safe custody of all banking instruments, for example cheque books/cheque leaves, security tokens, debit card, telephone banking PIN, internet and mobile banking login credentials, and transaction authorisation code (TAC). The Customer shall notify the Bank immediately when the Customer becomes aware that any of the above is lost or used without authority or proper authorisation. The Customer shall not be liable for losses resulting from unauthorised transaction(s) occurring after the Customer had notified the Bank in accordance with these Terms and Conditions that the Customer’s banking instruments mentioned above have been lost, misused, stolen, compromised or breached.
47. Where any loss or damage suffered by the Customer is solely attributed to the wilful negligence of the Bank, the Bank’s sole and entire liability (whether in respect of one or more claims) to the Customer in contract or tort shall not exceed the amount of the transaction which gave rise to the claim or claims or the direct damages sustained, whichever is lower. In no event shall the Bank be liable for any loss of business, loss of profits, earnings or goodwill, loss of data, indirect, consequential, special or incidental damages, liabilities, claims, losses, expenses, disbursements, awards, penalties, proceedings and costs

regardless of whether the possibilities of such losses or damages were disclosed to, or could have reasonably been foreseen by the Bank.

48. Upon being notified by the Customer of such incident, the Bank shall conduct an investigation and the Customer is required to provide sufficient information and collaboration to facilitate the investigation. The Bank is hereby given the authority to perform the following measures upon detection (with/without prior consent from customer) in order to prevent or mitigate further financial loss while the Bank is performing its investigation:
- i. Suspend or freeze the affected account;
 - ii. Revoke or reset the Customer's internet or mobile banking access; and/or
 - iii. Revoke the validity of banking instruments;
- and the Customer will be notified once the above has been operated.

49. This advertisement has not been reviewed by the Securities Commission Malaysia (SC).

Deposits products are protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM250,000 for each depositor.

DISCLAIMER FOR INVESTMENT PRODUCTS

- The information provided herein is for reference and general information purposes only and should not be construed as an offer to sell, a solicitation to buy, or a subscription to any investment products.
- Investment Products are not obligations of, guaranteed or insured by the Bank and are subject to investment risks (e.g. market risk, currency risk and issuer credit risk) including the possible loss of the principal amount invested.
- Investors are advised to read, understand and carefully study the risk factors set out in the content of the relevant documents of the respective investment products including but not limited to the Prospectus or Information Memorandum and Product Highlights Sheet before investing. For more information and to obtain copies of the Prospectus or Information Memorandum or Product Highlights Sheet, please visit the nearest branch or consult our Relationship Manager / Sales Personnel.
- Investors should also consider all fees and charges involved before investing. Past performance of the investment product is not an indication of future performance.
- Investors should carefully consider whether any investment views or investment products are appropriate in view of their own investment experience, objectives, financial resources and relevant circumstances. If in doubt, investors should seek independent professional advice.
- Investment Products is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

***Terma dan Syarat
Kempen Gabungan Pelaburan dan
Deposit Tetap
Alliance Bank***

1. “Kempen Gabungan Pelaburan dan Deposit Tetap Alliance Bank” (“**Kempen**”) dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad (“**ABMB**” atau “**Bank**”) dan akan bermula dari 5 Mei 2025 hingga 31 Mac 2026 (termasuk kedua-dua tarikh) atau tempoh lain yang dimaklumkan oleh ABMB dari semasa ke semasa (“**Tempoh Kempen**”); kecuali dinyatakan sebaliknya.
2. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak (seperti yang dijelaskan di bawah) telah membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya segala Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk terikat dengan dan menerima segala Terma dan Syarat.

Kelayakan

3. Kempen ini terbuka kepada semua Pelanggan Baharu dan Sedia Ada ABMB (“**Pelanggan Layak**”).
4. Walaupun memenuhi yang tersebut di atas, individu berikut tidak layak untuk menyertai Kempen ini:
 - (a) Pekerja tetap dan/atau pekerja kontrak ABMB;
 - (b) Pelanggan yang mempunyai akaun dormant atau tidak aktif dengan ABMB atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan ABMB;
 - (c) Pelanggan yang mempunyai akaun tertunggak atau tidak dikendalikan secara memuaskan dengan ABMB;
 - (d) Individu yang tidak mampu dari segi kewangan atau yang telah dihukum bankrap;
 - (e) Pelanggan ABMB yang ingkar dalam sebarang kemudahan yang diberikan oleh ABMB (termasuk subsidiari dan syarikat berkaitan) pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
 - (f) Entiti bukan individu termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, organisasi/pertubuhan kebajikan/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam dan syarikat sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi.

Mekanik Kempen

A. Gabungan Unit Amanah dan Deposit Tetap “Tawaran A”

5. Tawaran A terbuka kepada pelanggan ABMB baharu dan/atau sedia ada (“**Pelanggan Layak Tawaran A**”).
6. Pelanggan Layak Tawaran A yang membeli produk Unit Amanah (“**UT**”) Konvensional terpilih semasa Tempoh Kempen akan layak menikmati kadar promosi Deposit Tetap (“**Kadar Promosi FD Tawaran A**”) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah, tertakluk kepada Terma dan Syarat berikut:
 - (a) Pelanggan Layak Tawaran A yang melabur sekurang-kurangnya RM10,000 (“**Amaun UT Minimum**”) atau 10,000 Denominasi Mata Wang Asing, atau yang tertakluk kepada amaun pelaburan minimum UT masing-masing dalam transaksi tunggal UT Konvensional terpilih semasa Tempoh Kempen akan layak untuk meletakkan Deposit Tetap (“**FD**”) pada kadar 7.50% setahun selama 3 bulan sehingga satu (1) kali Amaun UT Minimum yang dilaburkan; dan
 - (b) Amaun FD minimum yang diperlukan untuk layak Kadar Promosi FD Tawaran A ialah RM1,000 (“**Amaun FD Minimum**”).

Jadual 1:

Produk UT Konvensional**		Produk Deposit Tetap*	
Produk Sertaan	Amaun UT Minimum	Kadar Promosi FD Tawaran A dan Tempoh	Nisbah FD kepada Produk UT
Dana UT Konvensional terpilih dengan caj jualan minimum 3.00%	RM10,000 atau 10,000 Denominasi Mata Wang Asing (tertakluk kepada amaun pelaburan minimum UT masing-masing)	3-bulan 7.50% setahun	Minimum RM 1,000 diperlukan, dan maximum satu (1) kali Amaun UT Minimum yang dilaburkan

* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 untuk setiap pendeposit.

** Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

7. Tawaran A akan tamat apabila Bank telah mencapai had saiz dana Deposit Tetap yang diperuntukkan sebanyak RM190,299,965 atau apabila Tempoh Kempen tamat, mengikut mana yang terdahulu.
8. Senarai produk sertaan tersedia di cawangan dan/atau dengan menghubungi pengurus perhubungan.
9. Amaun Promosi FD mesti diletakkan pada hari yang sama dengan tarikh pesanan transaksi UT atau dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh transaksi UT dilengkapkan, dan mesti diletakkan dalam Tempoh Kempen. Jika gagal, peletakan Promosi FD tidak dibenarkan.
10. Mana-mana pelaburan dalam UT yang menggunakan pengeluaran daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah dikecualikan dan tidak layak menyertai Tawaran A ini.
11. Jika amaun UT adalah kurang daripada Amaun UT Minimum RM10,000 atau Pelanggan Layak tawaran A buat kali pertama melaksanakan hak tempoh bertenang UT mereka dalam tempoh bertenang, Kadar Promosi FD Tawaran A tidak akan digunapakai dan kadar niaga semasa FD ABMB akan digunapakai dengan tempoh dan amaun peletakan yang sama.
12. Pelanggan Layak Tawaran A mesti merupakan pemegang akaun utama atau pemegang akaun kedua bagi akaun UT konvensional dan akaun FD konvensional.

B. Gabungan Sekuriti Runcit dan Deposit Tetap ("Tawaran B")

13. Tawaran B terbuka kepada pelanggan ABMB baharu dan/atau sedia ada yang tidak mempunyai akaun/profil/rekod Sekuriti Runcit/Sukuk Runcit sedia ada dalam sistem perbankan kami pada 4 Mei 2025. ("**Pelanggan Layak Tawaran B**").
14. Pelanggan Layak Tawaran B yang membeli produk Sekuriti Runcit ("**RS**") terpilih semasa Tempoh Kempen akan layak menikmati kadar promosi Deposit Tetap ("**Kadar Promosi FD Tawaran B**") seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah, tertakluk kepada Terma dan Syarat berikut:
 - (a) Pelanggan Layak Tawaran B yang telah melabur sekurang-kurangnya RM250,000 bagi RS Denominasi Ringgit ("**RM RS**") dan RM150,000 atau yang setara dengannya bagi RS Denominasi Mata Wang Asing ("**FCY RS**") (* amaun minimum untuk FCY RS tertakluk kepada terbitan RS masing-masing) ("**Amaun RS Minimum**") dalam transaksi tunggal RS terpilih semasa Tempoh Kempen akan layak untuk meletakkan Deposit Tetap ("**FD**") pada kadar 6.50% setahun selama 3 bulan sehingga satu pertiga (1/3) kali Amaun RS Minimum yang dilaburkan; dan
 - (b) Amaun FD minimum yang diperlukan untuk layak Kadar Promosi FD Tawaran B ialah RM1,000 ("**Amaun FD Minimum**").

Jadual 2:

Produk Sekuriti Runcit**		Produk Deposit Tetap*	
<i>Produk Sertaan</i>	<i>Amaun RS Minimum</i>	<i>Kadar Promosi FD Tawaran B dan Tempoh</i>	<i>Nisbah FD kepada Produk RS</i>
<i>Sekuriti Runcit terpilih</i>	<i>RM250,000 bagi RM RS and RM150,000 atau yang setara dengannya bagi FCY RS (tertakluk kepada terbitan RS masing-masing)</i>	<i>3-bulan 6.50% setahun</i>	<i>Minimum RM 1,000 diperlukan dan maximum satu pertiga (1/3) kali Amaun RS Minimum yang dilaburkan</i>

* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 untuk setiap pendeposit.

** Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

15. Setiap Pelanggan Layak Tawaran B layak untuk satu (1) kali peletakan promosi FD sahaja.
16. Tawaran B akan tamat apabila Bank telah mencapai had saiz dana Deposit Tetap yang diperuntukkan sebanyak RM21,000,000 atau apabila Tempoh Kempen tamat, mengikut mana yang terdahulu.
17. Senarai produk sertaan tersedia di cawangan dan/atau dengan menghubungi pengurus perhubungan.

18. Amaun Promosi FD mesti diletakkan pada hari yang sama dengan tarikh pesanan transaksi RS atau dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh transaksi RS dilengkapkan, dan mesti diletakkan dalam Tempoh Kempen. Jika gagal, peletakan Promosi FD tidak dibenarkan.
19. Jika amaun RS adalah kurang daripada Amaun RS Minimum seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 14(a), Kadar Promosi FD Tawaran B tidak akan digunapakai dan kadar niaga semasa FD ABMB akan digunapakai dengan tempoh dan amaun peletakan yang sama.
20. Pelanggan Layak Tawaran B mesti merupakan pemegang akaun utama bagi akaun RS dan pemegang akaun utama atau pemegang akaun kedua bagi akaun FD konvensional.

C. Gabungan Pelaburan Berstruktur dan Deposit Tetap ("Tawaran C")

21. Tawaran C terbuka kepada pelanggan ABMB baharu dan/atau sedia ada yang tidak mempunyai akaun/profil/rekod Pelaburan Berstruktur sedia ada dalam sistem perbankan kami pada 4 Mei 2025. ("**Pelanggan Layak Tawaran C**").
22. Pelanggan Layak Tawaran C yang membeli produk Pelaburan Berstruktur ("**SI**") terpilih semasa Tempoh Kempen akan layak menikmati kadar promosi Deposit Tetap ("**Kadar Promosi FD Tawaran C**") seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah, tertakluk kepada Terma dan Syarat berikut:
 - (a) Pelanggan Layak Tawaran C yang telah melabur sekurang-kurangnya RM50,000 ("**Amaun SI Minimum**") dalam transaksi tunggal SI terpilih semasa Tempoh Kempen akan layak untuk meletakkan Deposit Tetap ("**FD**") pada kadar 6.50% setahun selama 3 bulan sehingga satu pertiga (1/3) kali Amaun SI Minimum yang dilaburkan; dan
 - (b) Amaun FD minimum yang diperlukan untuk layak Kadar Promosi FD Tawaran C ialah RM1,000 ("**Amaun FD Minimum**").

Jadual 3:

Produk Pelaburan Berstruktur**		Produk Deposit Tetap*	
<i>Produk Sertaan</i>	<i>Amaun SI Minimum</i>	<i>Kadar Promosi FD Tawaran C dan Tempoh</i>	<i>Nisbah FD kepada Produk SI</i>
<i>Pelaburan Berstruktur terpilih</i>	RM50,000	3-bulan 6.50% setahun	Minimum RM 1,000 diperlukan dan maximum satu pertiga (1/3) kali Amaun SI Minimum yang dilaburkan

* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 untuk setiap pendeposit.

** Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

23. Setiap Pelanggan Layak Tawaran C layak untuk satu (1) kali peletakan promosi FD sahaja.
24. Tawaran C akan tamat apabila Bank telah mencapai had saiz dana Deposit Tetap yang diperuntukkan sebanyak RM10,000,000 atau apabila Tempoh Kempen tamat, mengikut mana yang terdahulu.
25. Senarai produk sertaan tersedia di cawangan dan/atau dengan menghubungi pengurus perhubungan.
26. Amaun Promosi FD mesti diletakkan pada hari yang sama dengan tarikh pesanan transaksi SI atau dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh transaksi SI dilengkapkan, dan mesti diletakan dalam Tempoh Kempen. Jika gagal, peletakan Promosi FD tidak dibenarkan.
27. Jika amaun SI adalah kurang daripada Amaun SI Minimum RM50,000, Kadar Promosi FD Tawaran C tidak akan digunapakai dan kadar niaga semasa FD ABMB akan digunapakai dengan tempoh dan amaun peletakan yang sama.
28. Pelanggan Layak Tawaran C mesti merupakan pemegang akaun utama bagi akaun SI dan pemegang akaun utama atau pemegang akaun kedua bagi akaun FD konvensional.

Am

29. Kempen ini hanya untuk UT konvensional / RS / SI dan akaun FD konvensional. Produk Akaun UT Islam / Sukuk Runcit dan Akaun Deposit Berjangka-i ("**ATD-i**") dikecualikan daripada Kempen ini.

30. *Pengeluaran sebahagian FD tidak dibenarkan semasa tempoh FD. Jika FD dikeluarkan sebelum tarikh matangnya, Pelanggan Layak tidak akan menerima faedah ke atas pengeluaran pramatang tersebut.*
31. *Apabila tarikh matang, FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar niaga semasa FD 3-bulan. Kadar niaga semasa FD 3-bulan terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/banking/personal/fixed-deposits/fixed-deposit.aspx>.*
32. *Kadar Promosi FD adalah tertakluk kepada semakan semula dan jika Kadar Dasar Semalaman ("OPR") berubah, notis akan dikeluarkan di laman web Bank di www.alliancebank.com.my.*
33. *Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak mengakui bahawa mereka telah memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan segala Terma dan Syarat yang terkandung di sini.*
34. *Terma dan Syarat ini merupakan tambahan kepada and tidak mengurangkan mana-mana satu atau lebih Terma dan Syarat dan/atau garis panduan sedia ada yang mentadbir dan/atau mengawal selia operasi dan/atau penyelenggaraan Akaun yang Layak atau sebaliknya.*
35. *Semua keputusan yang dilakukan oleh ABMB berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad dan akan mengikat Pelanggan Layak. Sebarang surat-menyurat, rayuan atau pertikaian mengenai perkara yang sama tidak akan dilayan.*
36. *ABMB berhak untuk menambah, mengeluarkan, mengubah dan/atau meminda Terma dan Syarat, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberi notis di laman web Alliance Bank di www.alliancebank.com.my sebelum perubahan tersebut. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dan versi yang dikemas kini, syarat yang terkini akan digunapakai tetapi hanya setakat percanggahan tersebut.*
37. *Sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Tempoh Kempen ini tidak melayakkan Pelanggan Layak melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap ABMB untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan disebabkan oleh tindakan Pelanggan Layak sendiri.*
38. *ABMB tidak bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, kebetulan, turutan, teladan, punitif, atau ganti rugi khas atau prosiding yang dikemukakan oleh mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul atau ditanggung oleh Pelanggan Layak atau pihak lain, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini.*
39. *Segala Terma dan Syarat termasuk penambahan, pengeluaran, perubahan dan/atau pindaan yang dibuat berkenaan dengannya dari semasa ke semasa akan ditadbir dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.*
40. *Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Notis dan Pilihan Penyata Prinsipal yang terdapat di laman web Bank <https://www.alliancebank.com.my/Notice-and-Choice-Principle-Statement-Personal-Data-Protection-Act-2010> dan dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada Bank mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan oleh Bank untuk tujuan Kempen ini.*
41. *Bank telah memperkenalkan dan mengekalkan polisi dan prosedur yang direka untuk mencegah sogokan dan rasuah oleh Bank dan para pengarah, pegawai atau pekerjanya; dan sepanjang pengetahuan Bank, Bank mahupun mana-mana pengarah, pegawai, atau pekerja Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan anti rasuah dan sogokan yang digunapakai oleh Bank. Bank tidak, dan berjanji bahawa ia tidak akan, berhubung dengan pengendalian aktiviti perniagaannya, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa tindakan untuk meneruskan sebarang pembayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.*
42. *Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak dengan ini mengakui bahawa beliau telah dimaklumkan tentang ringkasan polisi anti rasuah dan sogokan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy> dan seterusnya*

berjanji tidak akan terlibat dalam amalan rasuah tersebut dalam apa-apa cara sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank.

43. Untuk Produk Pelaburan:

- (a) Untuk pelaburan dalam mata wang asing, Akaun Pelaburan adalah berasaskan mata wang tempatan yang setara.
- (b) Pelanggan Layak mengakui bahawa pelaburan dalam mata wang asing adalah tertakluk kepada Notis Pertukaran Asing yang lazim di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Bergantung pada status pemastautin Pelanggan Layak, dan sama ada Pelanggan Layak mempunyai peminjaman/pembiayaan dalam ringgit domestik, pelaburan dalam mata wang asing mungkin akan dikenakan had.
 - i. Pelanggan Layak Pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik¹ dibenarkan untuk meminjam sebarang jumlah dalam aset mata wang asing di dalam dan di luar negara; atau
 - ii. Pelanggan Layak Pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik¹ dibenarkan untuk meminjam:
 - Sebarang jumlah menggunakan dana mata wang asing yang tersedia; atau
 - Sehingga RM1 juta bersamaan secara agregat pada dasar individu bagi setiap tahun kalendar menggunakan:
 - Dana mata wang asing yang diperolehi daripada penukaran ringgit;
 - Sebarang pemindahan daripada Akaun Mata Wang Asing Perdagangan ("TFCA") kepada Akaun Mata Wang Asing Pelaburan ("IFCA");
 - Melalui penukaran aset kewangan;
 - Sehingga RM10 juta bersamaan secara agregat bagi pinjaman mata wang asing yang diperolehi pemastautin daripada Bank Dalam Pesisir Berlesen ("LOB") atau bukan pemastautin.
- (c) Pelanggan Layak bersetuju bahawa jika Jumlah Pelaburan melebihi sebarang had yang ditetapkan oleh Notis Pertukaran Asing, Bank boleh mendebit akaun, menukar lebih kepada Ringgit pada kadar belian lazim Bank yang berkenaan dan mengkreditkan akaun Ringgit Pelanggan Layak dengan Bank.

44. Pelanggan Layak mesti menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi segala terma dan syarat yang terpakai pada Produk Sertaan beliau di bawah Kempen, yang berasaskan daripada terma dan syarat di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak mengakui bahawa mereka telah memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan segala Terma dan Syarat.

¹Peminjaman ringgit domestik merujuk kepada:

- i. sebarang kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan Ringgit yang digunakan atau tidak digunakan termasuk kemudahan margin saham, kemudahan overdraf, kemudahan kredit pusingan, serta kemudahan kredit yang diperolehi daripada majikan seperti pinjaman kepada kakitangan, pinjaman kemudahan pembiayaan perdagangan, termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan perdagangan untuk pembayaran barangan, saham keutamaan boleh tebus, saham keutamaan boleh tebus Islam, Bon Korporat atau Sukuk yang diperolehi Pemastautin daripada Pemastautin lain **tidak termasuk**:
 - (a) tempoh kredit perdagangan yang dilanjutkan oleh pembekal untuk apa-apa barangan atau perkhidmatan;
 - (b) had kredit yang dibahagikan oleh Bank Dalam Pesisir Berlesen ("LOB") untuk pelanggannya menjalankan transaksi Asas Hadapan, tidak termasuk transaksi yang melibatkan pertukaran atau penukaran hutang Ringgit atau Mata Wang Asing kepada hutang Mata Wang Asing yang lain atau pertukaran hutang Mata Wang Asing dengan hutang Ringgit;
 - (c) Jaminan Kewangan atau Jaminan Bukan Kewangan;
 - (d) kemudahan pajakan operasi;
 - (e) kemudahan pemfaktoran tanpa bantuan;
 - (f) kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang diperolehi Pemastautin Individu daripada Pemastautin untuk membeli satu (1) harta kediaman dan satu (1) kenderaan; atau
 - (g) kemudahan kad kredit dan kad caj yang diperolehi Pemastautin Individu daripada Pemastautin dan digunakan untuk pembayaran barangan dan perkhidmatan runcit sahaja.
- ii. apa-apa kewajipan yang dipertimbangkan atau dianggap sebagai Peminjaman Ringgit Domestik di bawah sebarang Notis Polisi Pertukaran Asing.

Pencegahan dan Pengurangan Penipuan Perbankan dan 'Scam' Kewangan

45. Pihak Bank mungkin dari semasa ke semasa menyediakan maklumat atau kandungan terkini untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran kepada Pelanggan mengenai langkah-langkah pencegahan dan pengurangan risiko terhadap penipuan perbankan. Ini adalah tertakluk tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, kemas kini terhadap perisian/ sistem pengendalian/ aplikasi/ versi baharu, dan keperluan peraturan terpakai dari badan-badan pengawalseliaan.
46. Pelanggan hendaklah memastikan kesemua instrumen perbankan contohnya buku cek/helaian cek, token keselamatan, kad debit, PIN perbankan telefon, bukti kelayakan log masuk perbankan internet dan mudah alih, dan kod kebenaran transaksi (TAC) adalah berada dalam jagaan selamat. Jika Pelanggan menyedari berlaku mana-mana urus niaga atau akses seperti yang disenaraikan di atas adalah didapati hilang atau tidak dibenarkan, Pelanggan mestilah dengan serta-merta melaporkannya kepada pihak Bank. Pelanggan tidak akan bertanggungjawab atas kerugian yang timbul berikutan daripada urusniaga yang tidak dibenarkan setelah didapati Pelanggan telah memaklumkan kepada pihak Bank menurut Terma dan Syarat ini sekiranya terdapat sebarang kehilangan, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau di langgar terhadap mana-mana instrumen perbankan Pelanggan seperti yang tertera di atas.
47. Jika terdapat apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan adalah semata-mata disebabkan oleh kelalaian sengaja oleh pihak Bank, pihak Bank secara tunggal atau keseluruhan liabiliti (berkenaan dengan satu atau lebih daripada satu tuntutan) kepada Pelanggan sama ada dalam bentuk kontrak atau tort tidak melebihi jumlah amaun transaksi terhadap tuntutan atau apa-apa tuntutan atau ganti rugi yang di alami, yang mana lebih rendah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian perniagaan, kerugian keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, secara tidak langsung, kerugian turutan, khas atau luar jangka, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pembayaran, anugerah, penalti, prosiding dan kos tanpa mengambil kira sama ada kerugian atau ganti rugi tersebut berkemungkinan telah didedahkan, atau telah diramalkan secara munasabah oleh pihak Bank.
48. Apabila sesuatu kejadian telah dimaklumkan oleh Pelanggan, pihak Bank akan melaksanakan penyiasatan dan Pelanggan di minta untuk menyediakan maklumat yang mencukupi dan berkerjasama untuk memudahkan penyiasatan. Pihak Bank diberikan kuasa untuk menjalankan pengesanan ke atas pencegahan dan pengurangan penipuan perbankan seperti langkah-langkah berikut (dengan/tanpa kebenaran daripada Pelanggan) semasa pihak Bank menjalankan penyiasatan:
- Menggantung atau membekukan akaun yang terjejas;
 - Menarik balik atau membatalkan perkhidmatan yang boleh diakses oleh Pelanggan melalui Internet atau perkhidmatan Perbankan Mudah Alih; dan/atau
 - Menarik balik kesahan semua instrumen perbankan;
- dan Pelanggan akan dimaklumkan setelah kesemua perkara diatas telah dikendalikan.
49. Iklan ini belum disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

Produk deposit dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM250,000 untuk setiap pendeposit.

PENAFIAN UNTUK PRODUK PELABURAN

- Maklumat yang terkandung disini adalah untuk rujukan dan tujuan maklumat sahaja dan ia tidak boleh ditafsirkan sebagai tawaran untuk menjual, permintaan untuk membeli atau melanggan mana-mana Produk Pelaburan.
- Produk pelaburan bukanlah kewajipan bank, tidak dijamin atau diinsuranskan oleh bank dan adalah tertakluk kepada risiko pelaburan (contohnya, risiko pasaran, risiko mata wang dan risiko kredit pengeluar) termasuk kemungkinan kerugian jumlah prinsipal yang dilaburkan.
- Pelabur dinasihatkan untuk membaca, memahami dan mengkaji dengan teliti faktor risiko yang dinyatakan dalam kandungan dokumen berkaitan produk pelaburan masing-masing termasuk tetapi tidak terhad kepada prospektus atau memorandum maklumat serta lembaran sorotan produk sebelum melabur. Untuk maklumat lanjut dan mendapatkan salinan Prospektus atau Memorandum Maklumat atau Helaian Sorotan Produk, sila lawati cawangan terdekat atau rujuk dengan Pengurus Perhubungan / Kakitangan Jualan kami.
- Pelabur juga perlu mempertimbangkan semua yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur. Prestasi masa lampau produk pelaburan bukanlah petunjuk bagi prestasi masa hadapan.
- Pelabur perlu mempertimbangkan dengan teliti sama ada sebarang pandangan pelaburan atau produk pelaburan adalah sesuai memandangkan pengalaman pelaburan, objektif, sumber kewangan dan

keadaan yang berkaitan mereka sendiri. Jika ada sebarang keraguan, pelabur harus mendapatkan nasihat profesional bebas.

- *Produk pelaburan tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).*